

CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Bil. 26 Tahun 3

Februari 1996

ISSN 0128-8431

Mengamalkan Sikap Berjimat Cermat

Sempena Hari Raya dan Tahun Baru Cina

Keikhlasan pegawai dan staf Kementerian serta Kelab PDNP menghulurkan derma adalah satu amalan yang baik, lebih-lebih lagi ia dilaksanakan dalam bulan Ramadan.

Di dalam sejarah tamadun manusia, amalan berpuasa merupakan amalan yang sehati dengan kehidupan, sama ada ia bersifat keagamaan, kesihatan, ekonomi dan juga ketahanan jiwa. Pada dasarnya, amalan zahir puasa ialah menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa seperti makan dan minum. Apabila seseorang menjalani ibadah puasa, hendaklah disedari bahawa ia sedang menuju dan menjurus ke arah peningkatan iman yang lebih sempurna.

Oleh kerana berpuasa mempunyai matlamat dan konsepnya yang jelas dan tersendiri, iaitu meningkatkan martabat keimanan, maka marilah kita mengikis sifat-sifat negatif dalam melaksanakan tugas harian di pejabat

Tidak lama lagi, umat Islam dan masyarakat Cina akan menyambut Hari Raya Aidil Fitri dan Tahun Baru Cina. Tahun ini merupakan tahun yang istimewa kerana perayaan Hari Raya Aidil Fitri dan Tahun Baru Cina disambut hampir serentak, dan lebih istimewa lagi kepada kakitangan Kerajaan kerana akan mendapat sebahagian daripada tunggakan pelarasan gaji sebagai pendahuluan.

Seterusnya, ingin saya menyarankan di sini bahawa apabila membuat persiapan merayakan hari-hari tersebut, kita hendaklah melakukannya secara sederhana. Sebagai pegawai ataupun



YB. Dato' Hj. Abu Hassan
Hj. Omar

kakitangan Kementerian, sepatutnya kita menunjukkan teladan mengamalkan sikap berjimat cermat. Nasihat saya ini tidaklah bermakna tuan-tuan dan puan-puan tidak langsung berbelanja hinggakan tetamu yang datang berhari raya dan menyambut Tahun Baru Cina dihidangkan dengan teh-o dan biskut kering sahaja, tetapi biarlah mengikut kemampuan dan lebih-lebih lagi tidak terperangkap dengan sindrom berhutang.

Dalam usaha untuk memastikan bekalan barang-barang keperluan mencukupi sempena sambutan Hari Raya

dan Tahun Baru Cina, Kementerian telah dan sedang melaksanakan tindakan-tindakan bagi menentukan bekalan barang-barang keperluan mencukupi dan harganya pula berada di paras yang berpatutan dan stabil. Di antara tindakan-tindakan tersebut ialah:

✓ Mewartakan 25 jenis barang kawalan musim perayaan, iaitu tambahan kepada 20 jenis barang kawalan tetap. Dengan pewartaan ini, semua pengedaran dan urusan barang berkenaan adalah tertakluk di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Peniaga-peniaga akan dikenakan tindakan sekiranya melakukan aktiviti-aktiviti seperti mengenakan syarat-syarat jualan yang tidak sah, enggan menjual, menyorok atau menafikan stok barangan yang telah diwartakan.

✓ Mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat pembekal, agensi-agensi Kerajaan dan Persatuan-persatuan Peniaga dalam menentukan bekalan barang-barang keperluan musim perayaan

Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidil Fitri baru sahaja berlalu. Ada rungutan yang kita dengar mengenai kenaikan harga barangan dan perkhidmatan semasa musim perayaan. Ada pengguna yang merungut tetapi terus membeli barangan atau menggunakan perkhidmatan yang dinaikkan harga sewenang-wenangnya.

Apakah Kerajaan sahaja bertanggungjawab menghalang kenaikan harga? Apakah peranan dan tindakan pengguna sendiri dalam melindungi diri mereka daripada tindakan peniaga-peniaga yang tidak beretika?

Perniagaan masih laris walaupun pengguna mengadu terpaksa membayar harga yang tinggi untuk barang dan perkhidmatan. Aduan-aduan disampaikan kepada Kementerian. Tindakan diambil berdasarkan aduan-aduan yang berasas. Namun begitu, apakah pengguna harus terus tidak berbuat apa-apa yang konkrit dan menyerahkan bulat-bulat tanggungjawab perlindungan pengguna kepada Kerajaan atau persatuan pengguna semata-mata? Tentu sekali tidak. Penyertaan aktif pengguna dalam perlindungan pengguna akan mendatangkan kesan besar kepada perlindungan pengguna di negara ini. Sesungguhnya, perlindungan pengguna harus bermula di peringkat setiap pengguna individu.

Ketahui harga sebelum membuat urusanniaga

Ada pengguna yang cuai dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pengguna yang bijak. Sebelum membeli sesuatu barang atau menggunakan sesuatu perkhidmatan, mereka sepatutnya mengetahui perbelanjaan yang terlibat. Mereka harus lihat tanda harga yang dipaparkan. Sekiranya tanda harga tidak diletakkan, peniaga melanggar peraturan di bawah Akta Kawalan Harga 1946. Mereka harus laporkan kepada Pejabat Penguatkuasa, Kementerian. Elakkan amalan menggunakan sesuatu perkhidmatan dan kemudian baru bertanyakan harga supaya pengguna tidak 'dipaksa' membayar harga yang mahal kerana telah menggunakan sesuatu perkhidmatan. Malahan, pengguna harus membanding harga di beberapa kedai serta menjadikan tabiat perbuatan mengesan harga barangan dan perkhidmatan dari masa ke masa.

Dengan cara ini, pengguna sendiri dapat mengetahui apakah trend kenaikan harga.

Pulaukan barang dan perkhidmatan yang keterlaluan harganya.

Apabila harga barangan dan perkhidmatan naik, pengguna yang bergaji tetap atau upah tetap paling banyak menanggung kesan buruknya. Kuasa membeli mereka menurun sedangkan mereka tidak dapat menambah punca pendapatan mereka. Pengguna yang makan gaji atau ambil upah, sebagai kumpulan yang besar, berupaya mempengaruhi harga. Pulaukan para peniaga tidak beretika. Jika semua pengguna golongan ini bertindak tegas secara individu mengeneppikan mereka, peniaga terpaksa menurunkan harga.

Tubuhkan Koperasi

Peniaga-peniaga adakalanya, merasakan pengguna tiada pilihan kecuali menggunakan barangan dan perkhidmatan mereka. Misalnya, pengguna berpendapatan tetap biasanya diwakili dalam pertubuhan-pertubuhan tertentu. Pertubuhan-pertubuhan ini boleh membantu ahli-ahli dengan menubuhkan koperasi yang menjual barangan kepada ahli-ahli. Harga yang lebih rendah boleh ditawarkan dengan mendapatkan bekalan terus daripada pengeluar tanpa melalui pemborong.

Dapatkan bukti sahih

Jika ditipu oleh peniaga, pengguna harus mengumpulkan bukti secukupnya supaya tindakan dapat diambil oleh pihak berkuasa. Tindakan pengguna mengemukakan bukti-bukti yang sahih akan memudahkan siasatan dibuat dan tindakan tegas diambil sekiranya perlu. Dengan bukti atau keterangan yang sahih, pengguna lebih bersedia untuk menjadi saksi apabila pihak berkuasa bertindak ke atas peniaga-peniaga yang melakukan kesalahan.

Kesimpulan

Tugas perlindungan pengguna ialah tanggungjawab bersama. Pengguna dan Kerajaan sama-sama bertanggungjawab melindungi pengguna daripada amalan perniagaan yang tidak beretika. Di samping mendapat bantuan Kerajaan dalam melindungi pengguna, pengguna individu merupakan barisan depan untuk memperjuangkan perlindungan pengguna.

Penasihat

YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Sidang Redaksi

Ketua Pengarang

Y.Bhg. Datuk Samsudin Osman

Pengarang

Encik Mohamed Iqbal Mohd Shafi

Encik Zulkipli Abu Bakar

Penasihat Pengarang

Encik Mohd Hamdan Adnan

Dr. Sothi S. Rachagan

Encik Bisan Singh Bahadur

Penolong Pengarang

Encik Lim Ming Lee

Puan P. Jayanthi

Pengedar: FOMCA

Warta CERMAT merupakan projek usahasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA dan diterbitkan secara bulanan. Sumbangan rencana, berita dan surat boleh dihantar kepada:

Ketua Pengarang

Warta CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

dan Hal Ehwal Pengguna,

Bahagian Hal Ehwal Pengguna,

Tingkat 23, Menara Maybank,

100, Jalan Tun Perak

50050 Kuala Lumpur

Tel: 03-2329955

Fax: 03-2389558

ESSENTIAL ITEMISED CONTROLS

If the first phase of the Zero Inflation drive was marked more by severe criticism of the campaign than tangible net returns to consumers, the next phase holds promise for a better-controlled climate of trading. Gone will be the unrestricted lure of store-wide sales on "Shopping Saturdays" that may have thrilled designer-bent shopaholics, but brought up the bile in consumerists.

The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has proven that it is receptive to feedback, harshly though this has been delivered by most quarters. In adopting sensible proposals from those familiar with manipulative ways in the market-place, it has made room for participatory consumerism. Quite apart from its novelty value, this is an encouraging step towards the realisation of a mutual alliance between the ministry and the consumers it serves.

Beginning March, traders taking part in the Zero Inflation sales will have to offer at least a 10 per cent discount on essential goods drawn from the "List of 56" to be used in computing the revised Consumer Price Index. Reductions must also be given on 40 per cent of the stock on the premises. From this point, the alert consumer will be his own best protector by learning to tell fake from genuine offers and responding with intelligence.

The ministry is working towards expansion of Zero Inflation sales at *pasar tani* nationwide, following the launch in 14 locations last Saturday. Given that perishable goods are involved and the middleman is absent, traders should have few major reservations about reducing prices if they are convinced this will be rewarded by an increased turnover of business.

Accessible sites and improved trading-hours are required to allow consumers to take advantage of sales. While this is a matter for the Federal Agricultural Marketing Authority to act upon, the ministry could be a

conduit for feedback on locations and consumer-needs.

Its ability to co-ordinate with other agencies has been demonstrated beyond doubt this week, by the tremendous lengths that went into ensuring the availability of essential goods. An appreciative public, one that had initially feared the worst, would willingly place confidence in future ventures.

Hopes have been expressed for other parties like the Federation of Malaysian Manufacturers to join the Zero Inflation campaign by getting members to hold direct-to-customers sales. Price competition is a key component of such an approach, but it will not stand up to the crucial test of uniformly extending the benefits of inflation-control.

There is currently no guarantee that the substantial savings made by the retail sector through purchases at the *pasar tani* or hypermarkets, are passed down to customers. Where the price mark-up remains distressingly high, it is flippantly attributed to factors that are logistically impossible to investigate on a case-by-case basis.

With the re-opening of business after the festive break, the food sector can be expected to display arbitrary increases in prices, all of which will be dutifully displayed on menus and boards in eateries ranging from hawker stalls to restaurants. However, this will neither explain why a glass of warm water costs more, nor justify how the price of food is determined.

For the Zero Inflation quest to succeed, the ministry must eventually foray into significant areas of the no-man's land that weaken the chain of control, allowing the uncaring to feed mercilessly off the rest.

Petikan daripada lidah pengarang
akhbar *The New Straits Times*
pada 21 Februari 1996.

Barangan Keperluan Asas & Strategi Penstabilan Harga

Kerajaan sangat mengambil berat masalah kejatuhan kuasa beli rakyat disebabkan oleh peningkatan harga barangan. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 12 Julai 1995 telah mengarahkan Kementerian untuk menyediakan satu senarai barangan keperluan asas harian bagi golongan yang berpendapatan rendah. Tujuan penyediaan senarai ini adalah bagi memastikan harga barangan tersebut tidak meningkat secara mendadak dan harga terus stabil.

Berdasarkan arahan tersebut, satu senarai yang merangkumi semua barangan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh setiap individu untuk meneruskan kehidupan sebagai seorang manusia yang sempurna telah disediakan.

Barangan ini termasuklah barangan makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal, pengangkutan, barangan kesihatan dan juga perkhidmatan-perkhidmatan perlu seperti air, elektrik dan pembentungan. Senarai ini juga turut memasukkan beberapa barangan lain seperti petrol, diesel, buku teks dan buku latihan sekolah dan caj panggilan telefon awam. Beberapa jenis makanan/minuman di luar rumah seperti

roti canai, ketiau goreng, mi goreng, bihun goreng, kopi dan teh turut disenaraikan.

Barangan yang disenaraikan ini juga memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

- barangan tersebut adalah barangan keperluan asas harian (basic needs) oleh orang ramai; atau
- barangan tersebut adalah mampu dibeli oleh golongan yang berpendapatan rendah; atau
- perbelanjaan terhadap barangan tersebut adalah melibatkan satu bahagian penyata daripada kebanyakan individu yang berpendapatan rendah.

Golongan yang berpendapatan rendah yang dimaksudkan ialah keluarga yang berpendapatan RM1,500

dan ke bawah. Jumlah ini merupakan garis panduan (cut off point) bagi tujuan penetapan senarai barangan ini. Oleh itu, barangan yang terkandung dalam senarai ini merupakan barangan keperluan asas harian yang diguna dan diperlukan oleh sebuah keluarga yang pendapatan bulannya sebanyak RM1,500 dan ke bawah. Manamana barangan yang tidak disenaraikan adalah barangan bukan keperluan bagi golongan berpendapatan rendah.

Senarai barangan keperluan asas harian golongan berpendapatan rendah ini merupakan asas kepada pengukuran tahap pencapaian inflasi sifar. Untuk mencapai inflasi sifar, harga barangan



Barangan keperluan asas dan strategi penstabilan harga merupakan usaha Kerajaan untuk mengekalkan kuasa beli rakyat; golongan berpendapatan rendah - di pasar.

Senarai Barangan Keperluan Asas Harian Golongan Berpendapatan Rendah

A MAKANAN

Makanan di rumah

- 1 Beras - standard dan premium;
- 2 Gula bertapis;
- 3 Tepung gandum kegunaan am;
- 4 Minyak masak sawit tulen;
- 5 Susu termasuk susu pekat, susu tepung bayi dan susu cair;
- 6 Ikan basah - ikan selar kuning, tamban, pari, tongkol/aya/kayu, kerisi, pelata, selayang, kembung dan cencaru.
- 7 Sayuran segar - sawi, kacang panjang, timun, taueh dan kubis bulat;
- 8 Roti (*standard loaf* 200-1000gm);
- 9 Ayam daging;
- 10 Telur ayam;
- 11 Daging lembu;
- 12 Bawang merah;
- 13 Bawang besar;
- 14 Bawang putih;
- 15 Cili kering;
- 16 Kelapa, sebiji atau diparut;
- 17 Asam jawa;
- 18 Bihun kering;
- 19 Sardin (tin);
- 20 Garam;
- 21 Serbuk kopi;
- 22 Serbuk teh;

Makanan/minuman di luar rumah (di kedai kopi dan gerai)

- 23 Roti canai;
- 24 Kuetiau/mi/bihun goreng;
- 25 Kopi;
- 26 Teh;

B PAKAIAN DAN KASUT

- 27 Tetron cotton (kain ela);
- 28 Polyester/terrylene (kain ela);
- 29 Baju siap untuk diguna (*ready made*);) kategori tidak berjenama/
- 30 Seluar siap untuk diguna (*ready made*);) jenama tidak terkenal
- 31 Kain sarung (kain batik dan kain pelikat);)
- 32 Kasut kanvas

C RUMAH, SEWA KASAR, BAHANAPI dan KUASA

- 33 Sewa rumah pangsa;
- 34 Harga rumah kos rendah;
- 35 Gas memasak (LPG);
- 36 Minyak tanah;
- 37 Caj bekalan air;
- 38 Caj bekalan elektrik;
- 39 Caj pembentungan;

D PERBELANJAAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

- 40 Ubat batuk;
- 41 Tablet/kapsul untuk selsema, demam dan sakit kepala/perut;
- 42 Ubat sapu (*ointment*);
- 43 Ubat luka dan peralatan pembalut luka;
- 44 Caj rawatan am - hospital Kerajaan;
- 45 Caj wad - hospital Kerajaan;
- 46 Caj rawatan pergigian - klinik Kerajaan;

E PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN

- 47 Petrol;
- 48 Diesel;
- 49 Tambang bas - bas berhenti-henti dan ekspres;
- 50 Tambang bas sekolah;
- 51 Kereta sewa luar bandar;
- 52 Tambang bot dan feri bagi pengangkutan ke kawasan pedalaman;
- 53 Tambang keretapi kelas ekonomi;
- 54 Caj panggilan telefon awam;

F PELAJARAN

- 55 Buku teks sekolah; dan
- 56 Buku latihan (*exercise books*)

Senarai ini mungkin akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan

yang disenaraikan ini mestilah stabil. Dengan kata lain, tumpuan kempen inflasi sifar akan hanya melibatkan barangan yang terdapat dalam senarai ini. Oleh itu, pencapaian inflasi sifar akan hanya dilihat berdasarkan perubahan harga dalam bakul barangan ini sahaja.

Namun, bagi tujuan penstabilan harga barangan yang disenaraikan ini, tidak bermakna Kerajaan perlu mengawal harga semua barangan tersebut. Apa yang perlu dilakukan adalah memastikan harganya tidak meningkat melalui pelbagai strategi lain seperti peningkatan kecekapan pengurusan bekalan, peningkatan

pengeluaran barangan perlu, pengawasan harga, meliberalkan import barangan perlu, mempelbagaikan punca import barangan perlu dan sebagainya.

Pelan tindakan bagi melaksanakan strategi-strategi penstabilan harga perlulah dilaksanakan oleh semua agensi yang berkaitan. Sebagai contoh, Kementerian Pertanian akan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran secara besar-besaran, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan meneliti kadar cukai pintu yang berbeza-beza dan KPND dan HEP akan terus memperhebatkan lagi aspek penguatkuasaan.

Jemaah Menteri juga bersetuju supaya senarai ini menjadi asas kepada Indeks Harga Pengguna Baru khas bagi golongan yang berpendapatan rendah yang sedang disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan. Ukuran pencapaian inflasi sifar akan berdasarkan kepada pergerakan harga bakul barangan ini.

Secara umumnya, KPND dan HEP akan bertindak sebagai agensi penyelaras dan perlulah dirujuk terlebih dahulu sebelum sesuatu barangan yang disenaraikan hendak dinaikkan harganya.

Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan (PPSWP)

Melaksanakan Pelan Tindakan Tahunan Kelab Pengguna

Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan (PPSWP) merupakan pergerakan sivik sukarela yang tidak mencari keuntungan, bebas daripada kegiatan perkauman, keagamaan dan sebarang parti politik. Ia ditubuhkan pada 23 Januari 1965 dan merupakan persatuan pengguna yang pertama didaftarkan di Malaysia. Kewujudan PPSWP adalah demi memperjuangkan kepentingan pengguna.

PPSWP bertindak untuk menentukan para pengguna mendapat hak-hak mereka. Ia bukan sahaja memastikan nilai wang yang maksimum bagi pengguna tapi ia cuba dan bertindak untuk memastikan nilai kehidupan rakyat keseluruhannya tidak terancam.

Ahli-ahli yang baru mendaftar perlu diterangkan mengenai pelan tindakan Kelab Pengguna yang akan dijalankan



Sehubungan itulah baru-baru ini PPSWP dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia melancarkan buku Pelan Tindakan Tahunan untuk Kelab Pengguna. Ia diberikan secara percuma dan diedarkan oleh Kementerian Pendidikan kepada sekolah-sekolah dan maktab perguruan di seluruh negara.

Cita-cita untuk menerbitkan buku yang komprehensif ini tercetus apabila PPSWP mendapati kebanyakan Kelab Pengguna di sekolah mengalami masalah untuk menjalankan aktiviti bulanan dan untuk mengekalkan minat ahli-ahli kelab. Guru penasihat pula menghadapi masalah untuk mendapatkan sumber yang cukup bagi menjalankan kegiatan Kelab Pengguna. Menyedari hakikat ini, PPSWP berusaha menyelesaikan masalah tersebut. Hasrat PPSWP menjadi nyata dengan terhasilnya pelan ini.

Bagi mengembangkan Pelan Tindakan ini, PPSWP telah menganjurkan siri majlis dialog/

bengkel/seminar dengan guru penasihat Kelab Pengguna.

PPSWP juga telah menganjurkan Kem Kepimpinan Pengguna untuk pemimpin Kelab Pengguna. Semangat serta keupayaan yang ditunjukkan oleh pelajar yang menyertainya adalah sangat menggalakkan. Merekalah yang mengenal pasti apa keperluan mereka dan bagaimana menerapkannya dalam jadual sekolah.

Berikut ialah objektif Pelan Tindakan Tahunan Pengguna untuk Kelab Pengguna. Semua sekolah adalah dinasihatkan supaya menggunakan pelan ini untuk:

⇒ Menggalakkan Kelab Pengguna yang sedia ada menjadi lebih aktif;

⇒ Memudahkan penubuhan Kelab Pengguna baru dengan bantuan perlembagaan;

⇒ Menggalakkan Kelab Pengguna mempunyai identitinya tersendiri dengan menggunakan logo yang sama;

⇒ Mengadakan jaringan kerja dengan Kelab Pengguna yang lain.

⇒ Membantu Kelab Pengguna meliputi pelbagai tajuk dan isu yang berhubung dengan kepenggunaan;

⇒ Membantu Kelab Pengguna

menganjurkan aktiviti yang berdasarkan isu dan masalah semasa pengguna;

⇒ Mempunyai aktiviti tahunan yang seimbang;

⇒ Membantu guru penasihat memaksimumkan sumber yang ada bagi menjalankan aktiviti yang menarik;

⇒ Memastikan pelajar

didedahkan kepada lapan hak dan lima tanggungjawab pengguna; dan








⇒ Memastikan para pelajar memahami cara mempraktikkan ciri-ciri kepenggunaan yang baik.


Persatuan-persatuan dan Kelab-kelab Pengguna di seluruh negara dipelawa menyumbang mengenai sebarang kegiatan masing-masing dalam bentuk artikel dan gambar untuk dimuatkan dalam ruangan ini. Semua sumbangan hendaklah dialamatkan kepada: Ketua Pengarang CERMAT, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwai Pengguna, Tingkat 23, Menara Maybank, 50050 K. Lumpur.

MENJIMATKAN PENGUNAAN PETROL PADA KENDERAAN

Adakah anda memiliki kenderaan? Jika ya, anda semestinya sedar akan banyaknya kos memiliki dan mengendalikan kenderaan bermotor. Mereka yang membuat pinjaman untuk membeli kenderaan harus membayar ansuran bulanan. Selain itu, cukai jalan, yuran lesen memandu, insuran dan sebagainya juga memerlukan perbelanjaan. Belanja yang besar juga perlu diperuntukkan untuk petrol atau diesel, servis, pembaikan, tukar tayar dan sebagainya.






Kalau anda pengguna yang bijak, anda boleh menjimatkan penggunaan petrol atau diesel secara berkesan dengan mengamalkan perkara-perkara berikut:

-  Rancang penggunaan kenderaan. Kalau anda perlu pergi ke beberapa destinasi yang dekat, selesaikan semua tugas dalam sekali perjalanan.
-  Semasa memandu, kekalkan kelajuan dan cuba ramalkan keadaan lalu lintas. Bersedialah untuk perubahan di simpang lampu isyarat lalu lintas. Elakkan membrek dengan tiba-tiba kecuali dalam kecemasan. Ini juga melindungi tayar dan brek.
-  Elakkan memecutkan kereta. Anda bukan dalam gelanggang lumba kereta. Cuba tekan minyak atau brek dengan perlahan-lahan. Ini akan mengurangkan penggunaan minyak.
-  Elakkan memandu kenderaan semasa kesesakan lalu lintas atau semasa hujan lebat kerana penggunaan minyak bertambah.
-  Matikan enjin jika kereta tidak bergerak lebih dari 30 saat kecuali di simpang jalan.
-  Servis enjin mengikut jadual yang sewajarnya untuk memeliharanya dalam keadaan baik dan kekalkan tekanan angin dalam tayar.
-  Jangan gunakan kereta sebagai tempat menyimpan barang-barang. Keluarkan barang-barang seperti kereta tolak bayi serta beg-beg yang tidak digunakan dan barang-barang berat yang tidak perlu disimpan sepanjang masa dalam kereta.



Belanja yang besar juga perlu diperuntukkan untuk petrol atau diesel.

Elakkan memecutkan kereta. Anda bukan dalam gelanggang lumba kereta. Cuba tekan minyak atau brek dengan perlahan-lahan. Ini akan mengurangkan penggunaan minyak

-  Apabila menuju ke tempat yang anda tidak biasa, gunakan peta sebagai panduan. Ini mengelakkan perjalanan panjang dan menjimatkan masa serta minyak.
-  Tekan minyak perlahan-lahan. Begitu juga apabila menukar gear. Apabila memandu pada gear rendah, anda menggunakan lebih banyak petrol. Padankan gear dengan kelajuan yang sesuai.
-  Kurangkan penggunaan alat penghawa dingin. Kalau boleh, jangan gunakan langsung.
-  Jangan membazir minyak dan wang dengan memandu lama untuk mencari tempat yang sesuai untuk meletak kereta. Cuba pergi terus ke tempat yang kurang sesak walaupun terpaksa meletak kereta lebih jauh sedikit.
-  Kalau boleh, amalkan perkongsian kereta ke tempat kerja.

Selamat mencuba

Sambungan dari hal... 1

sentiasa mencukupi dan harganya pula adalah berpatutan.

✓ Meminta kerjasama agensi-agensi Kerajaan seperti FAMA, JPH, LKIM dan BERNAS untuk turut membekalkan secara runcit barangan di bawah kawalseliaan mereka;

✓ Membuat 'monitoring' kedudukan bekalan dan harga barang-barang perlu di pasaran dan mengambil tindakan tertentu sekiranya didapati keadaan bekalan terjejas dan harga barangan meningkat;

✓ Mempertingkatkan pemeriksaan fizikal di setiap peringkat urusan dengan tujuan untuk mengawasi kegiatan peniaga-peniaga tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan mengeksploitasikan keadaan dengan tujuan untuk mencari keuntungan yang berlebihan;

✓ Menentukan peniaga-peniaga meletakkan tanda harga pada barangan yang dipamerkan

untuk jualan dan penggunaan alat timbang dan sukat yang ditentukan; dan

✓ Memperingatkan orang ramai supaya membuat persediaan lebih awal bagi menyambut perayaan tersebut dengan membuat pembelian lebih awal dan tidak pula menunggu hingga saat-saat akhir kerana tindakan ini boleh menjejaskan bekalan dan meningkatkan harga barangan.

Adalah menjadi harapan saya bahawa langkah-langkah yang disebutkan tadi akan dapat membantu masyarakat yang beragama Islam dan masyarakat Cina meraikan hari kebesaran masing-masing dengan lebih riang dan gembira dalam ertikata yang sebenarnya tanpa ditekan oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab.

*Petikan Ucapan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar
di Majlis Berbuka Puasa Anjuran KPDN & HEP serta
Kelab PDNP pada 6 Februari 1996.*

Disenaraikan nombor telefon Bahagian-bahagian dan Pejabat-pejabat Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pejabat-pejabat Penguatkuasa di ibu negeri merupakan urusetia Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEPN). Sekiranya anda memerlukan maklumat atau nasihat, sila hubungi Pejabat Cawangan berhampiran di kawasan anda.

Bahagian Penguatkuasa:

Bilik Gerakan K. Lumpur 03-4436888/03-4437888
Wilayah Persekutuan K. Lumpur 03-4423555
Kuala Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Perlis

Kangar: 04-9761478

Kedah

Alor Star: 04-7339062

Sg. Petani: 04-4213400

Langkawi: 049660420

Pulau Pinang

P. Pinang: 04-2616168

Seberang Prai: 04-317500

Perak

Ipoh: 05-2555001

Taiping: 05-8075044

Teluk Intan: 05-6227967

Selangor

Shah Alam: 03-5595544

Kajang: 03-8367444

K. Kubu Baru: 03-8042495

Wilayah Persekutuan

K. Lumpur: 03-4423555

Labuan: 089-417669

N. Sembilan

Seremban: 06-730372

Melaka

Melaka: 06-2820422

Johor

Johor Bahru: 07-2234699

Kluang: 07-736877

Muar: 06-9522709

Mersing: 07-7994211

Pahang

Kuantan: 09-523892

Temerloh: 09-2961688

Raub: 09-3551670

Terengganu

K. Terengganu: 09-6221234

Kemaman: 09-8591919

Kelantan

Kota Bharu: 09-7481117

Kuala Krai: 09-9666368

Sabah

K. Kinabalu: 088-235702

Sandakan: 089-668291

Tawau: 089-776690

Sarawak

Kuching: 082-245202

Sibu: 084-331931

Miri: 085-412862

Bintulu: 086-332176

Pejabat-Pejabat Pendaftaran Perniagaan

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7318277

Butterworth 04-3327793

Kota Bharu 09-7484599

Kuantan 09-553600

K. Terengganu 09-6237170

Johor Bharu 09-2244710

Melaka 06-2821822

Bahagian Harta Intelek

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-2329955

Kota Kinabalu 088-233571

Kuching 089-428499

Bhg. Hal Ehwal Pengguna 03-2329955

Bhg. Perdagangan Dalam Negeri 03-2329955

Pejabat-Pejabat Pendaftaran Syarikat

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7330111

P. Pinang 04-3332081

Ipoh 05-2416900

Kuantan 09-553866

Kota Bharu 09-7482860

Kota Kinabalu 088-233344

Kuching 082-428499

Labuan 087-414100

